

KERJASAMA bertujuan menyokong pelaburan mesra iklim dalam sektor perumahan dan pembinaan.



Bernama

Kuala Lumpur

PERLUAS BIAYA BANGUNAN HIJAU

IFC mahu jadikan perumahan hijau lebih mampu milik buat golongan berpendapatan lebih rendah dan wanita di Malaysia

samping membantu institusi kewangan membantuan produk pembiayaan hijau seperti bon hijau, barisan kredit dan pembiayaan bagi teknologi penyekutuan mampam seiring dengan matlamat iklim dalam sektor perumahan dan pembinaan di

Ini pembabitian pertama

IFC dalam sektor bangunan hijau di Malaysia. IFC memulakan operasi di Malaysia pada 2023. Cagamas adalah perbadanan gadai janji negara di Malaysia.

Menurut kenyataan itu kerjasama ini juga bertujuan membantu institusi kewangan membina

projek dirancang yang dapat diterima bank, mengurangkan risiko alam sekitar, sosial dan iklim dalam sektor bangunan serta mempermudah dialog untuk menangani halangan terhadap pembangunan perumahan mampam antara sektor awam dan sektor

perbankan.

"Kerjasama ini turut berhasrat untuk menjadikan perumahan hijau lebih mampu milik dan mudah diakses oleh golongan berpendapatan lebih rendah dan wanita di Malaysia dengan memperluas pasaran bagi produk gadai janji hi-

jau dan menangani jurang pembiayaan perumahan yang lain," katanya.

Pengurus Negara Kumpulan Bank Dunia untuk Malaysia, Judith Green berkata, ini menyokong permintaan terhadap perumahan hijau di samping menyumbang kepada usaha kesmasukan Malaysia.

"Kami bersama-sama menyasarkan untuk meningkatkan akses kepada perumahan dan mengurangkan pelepasan, menggalakkan pelaburan pintar iklim dalam sektor bangunan dan memperkuuh kapasiti sektor kewangan bagi menyokong Malaysia dalam mencapai komitmen iklimnya menerusi Perjanjian Paris," katanya.